



# جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

**JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA**

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara  
Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh  
75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333  
Faks : 06-231 6489  
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami: PNM(KPS) 125. jld2 (26)

Tarikh : 5 Januari 2018

: 17 Rabiulakhir 1439H

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL  
SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
KERAJAAN NEGERI MELAKA**  
(Seperti Senarai Edaran)

YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan

**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI BIL.01 TAHUN 2018: PERUBAHAN KADAR  
CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) PEKERJA BAGI TAHUN  
2018.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan sedia maklum, KWSP telah mengumumkan perubahan pada kadar caruman untuk tahun kewangan 2018 seperti berikut:-

- i) 8% kepada 11% untuk pekerja berumur di bawah 60 tahun dan
- ii) 4% kepada 5.5% untuk pekerja berumur 60 tahun dan ke atas.

3. Sehubungan itu YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan dimohon untuk mengambil makluman dan tindakan bagi memastikan semua kakitangan yang mencarum KWSP mengemaskini peratus caruman KWSP Pekerja mereka.

4. Pihak jabatan dikehendaki melakukan pengemaskinian bagi perubahan caruman KWSP pekerja pegawai-pegawai Kerajaan Negeri di sistem SPEKS. Sila kemukakan borang perubahan gaji kew 320 ke jabatan ini untuk tindakan selanjutnya.

5. Perhatian dan tindakan segera daripada YB. Datuk Wira / YB. Datuk / Tuan / Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II"**

**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(NORIFAH BINTI NORDIN)**  
Bendahari Negeri  
MELAKA

